

PM: Jangan tangguh projek di sempadan

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA KINABALU: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu projek pembangunan di sempadan Malaysia-Indonesia dilaksanakan segera.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak mahu projek-projek itu dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion, yang kebanyakannya melibatkan kepentingan rakyat, tertangguh seperti isu bekalan air di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Anwar mahu projek pembangunan di sempadan Malaysia-Indonesia dilaksanakan segera

Antara projek pembangunan dengan peruntukan RM1 bilion di sempadan ialah kemudahan Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (PDRM) serta agensi keselamatan seperti

Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Minggu lalu kita ada mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN), saya beritahu Majlis Keselamatan Negara (MKN), saya tidak mahu tangguh, saya umum hari ini, saya nak (projek) berjalan. Jangan tangguh macam kes air di UMS.

"Berilah pelbagai alasan, saya tak nak tahu. Sekiranya tak cukup wang beritahu kita, kalau sedikit kita boleh tambah, kalau banyak boleh minta Masidi

(Menteri Kewangan Negeri).

"Kadang-kadang apabila kita umum, tiga bulan baru nak bermesyuarat, lima bulan baru nak panggil tender dan lapan bulan baru dapat tender.

"Apabila dapat tender, ada pula orang lain kacau, yang layak tak dapat kemudian tangguh lagi setahun...yang derita rakyat di bawah. Jalan berlubang rakyat tanggung," katanya berucap di Himpunart Perdana Rakyat Keadilan Sabah di sini, semalam.

Bersambung di muka 3